



Tertutupkah Zakat dengan Bayaran Cukai Kerajaan?

a. Ahmad bin Awang, Madrasah Maahad al-Ba'thāt

al-Dīniyyah, Yala Thailand, bertanya:

Saya seorang dipaksa mengeluarkan cukai perniagaan atau mata benda yang cukup nisabnya kepada kerajaan tiap-tiap tahun, maka diniatkan dan dijadikan zakat wajib atas mata benda perniagaan itu sahkah atau tidak bagi hukum syarak?

Jawab: Cukai kerajaan dengan zakat tidak sama keadannya - zakat ditentukan Tuhan cara bayarannya atau cara mengambilnya - demikian juga cara membahagikannya, sedang cukai kerajaan dibuat manusia dan cara pembayaran atau pengambilannya lain - demikian juga cara pembahagiannya.

Dengan sebab itu maka bayaran yang dibayar kepada cukai kerajaan itu tidak boleh diniatkan sebagai bayaran zakat. Saudara hendaklah mengeluarkan zakat selain daripada cukai kerajaan.

\* \* \*

### **Komunis di Jawa**

a. Abdul Rahman Ilyas, Kenas Road, Kuala

Kangsar, bertanya:

Betulkah di dua kota besar di Tanah Jawa, Komunis dilantik menjadi Datuk Bandar, dan bagaimana pula pandangan rakyat di Tanah Jawa kepada pihak

Komunis?

Jawab: Benar! Satu daripadanya di Surabaya dan satu lagi di Semarang.

Perkembangan komunis di Tanah Jawa itu merebak ialah apabila diadakan perhubungan diplomat di antara Indonesia dengan komunis China dan Moscow. Penyokong yang kuat melaksanakan ini ialah Nahdatul Ulama sedang Masyumi menolak.

Akibat dengan adanya hubungan-hubungan ini maka dua kedutaan-kedutaan komunis dibuka di Jakarta, Kedutaan China dan Rusia. Dengan adanya kedutaan ini maka Parti Komunis Indonesia mendapat tulang belakang - mendapat perbelanjaan daripada kedutaan-kedutaan itu untuk menyelenggarakan langkah-langkahnya.

Dengan itu maka mudahlah mereka bergerak. Orang-orang awam yang bodoh yang kurang pengertian dalam agama, bahkan kerana wang, orang-orang yang dahulunya ada pengertian agama juga tercebur. Sememangnya hidup di Jawa susah dan kerana itulah maka dari satu ke satu masa kekuasaan komunis semakin kuat.

Hal ini bertambah-tambah lagi kerana Sukarno berhajat kepada sokongan komunis - akhirnya mereka lebih berleluasa melakukan segala apa yang mereka sukai dan inilah yang menyebabkan komunis banyak pengikutnya di Jawa. Orang-orang yang menderita hidupnya mudah sangat terpengaruh.

Orang-orang Islam sulit melawan mereka kerana orang-orang Islam sendiri tidak mempunyai kekuatan wang untuk bergerak sedang dalam masa itu sebahagian besar daripada mereka pula, pemimpin-pemimpin mencari kedudukan dan membuat perusahaan untuk faedah diri mereka sendiri.